

NABI MUHAMMAD SAW PENYATU UMAT

Pengenalan

Apabila mengupas tentang sejarah pengutusan Nabi Muhammad SAW sebagai rasul, perkara yang yang pasti dibawakan adalah putaran kehidupan keadaan masyarakat arab sebelum kedatangan Baginda SAW. Ini kerana bermula dari putaran kehidupan merekalah Allah SWT mengutuskan seorang nabi dan rasul untuk “membersihkan” keseluruhan kehidupan mereka. Setelah usia Nabi Muhammad SAW mencapai 40 tahun, Allah SWT memberikan tanggungjawab yang besar untuknya bagi menyempurnakan misi dan visi agama Islam dan risalah agama yang dibawa oleh Nabi SAW itu mengandungi jalan yang terang dan jelas hala tuju akhirnya. Walau bagaimana pun, segala penerangan dan ajakan itu tidak disenangi oleh masyarakat arab kerana menurut mereka agama Islam telah mengganggu kebebasan sosial, ekonomi, spiritual dan sebagainya. Bagi menghentikan segala usaha dakwah Baginda SAW, pelbagai ancaman tribulasi terpaksa dihadapi oleh Nabi Muhammad SAW dan mereka yang bersamanya. Menyedari akan situasi mencabar yang terpaksa dilalui oleh Nabi SAW dan juga para sahabat Nabi SAW, maka Baginda SAW telah bersabda dan telah diriwayatkan oleh Abu Hurairah:

“sesungguhnya agama (Islam) bermula dengan asing, dan agama ini akan kembali seperti dipermulaannya, maka beruntunglah orang yang dianggap asing”

(Musnad Ahmad; dinilai sahih)

Jika dilihat dari sudut teknikal hadith ini ianya diriwayatkan daripada pelbagai jalan dan terdapat beberapa jalan yang menunjukkan hadith ini *sahih* seperti mana yang terdapat di dalam *Musnad Ahmad* di atas. Apabila para pemerhati membaca dan memahami hadith ini secara lebih mendalam ianya memberi indikator yang jelas kepada setiap umat supaya perlu mempunyai jati diri yang jelas seperti mana yang telah diwariskan oleh Nabi SAW. Kekuatan jati diri yang jelas dalam beragama adalah elemen yang penting dalam mendepani kemuncak akhir zaman, hakikat yang perlu diakui adalah Islam akan lemah sekiranya umat Islam kurang mengambil berat terhadap jati diri sebagai seorang muslim yang beriman. Jati diri yang dimaksudkan adalah kekuatan beraqidah dan kekentalan menyemarakkan ketaqwaan diri dalam pelbagai situasi. Kekacauan dan kecelaruan jati diri sebenarnya telah membuka ruang yang luas kepada orang kafir di akhir zaman mendominasi umat Islam dari segala segi, inilah yang dinyatakan oleh al-Muzhiri apabila menjelaskan hadith di atas di dalam bukunya *al-Mafatih fi Syarah al-Masabih*.

Maka penulisan pada kali ini, akan cuba menyelami dengan lebih mendasar dua fasa penting iaitu semasa hayat Nabi SAW ketika menyempurnakan risalah agama dan juga keadaan umat Islam selepas peninggalan Nabi SAW.

23 Tahun Pembuka Jalan Yang Terang

Sering kali diungkapkan oleh para pembaca sejarah bahawa sebelum perutusan Nabi SAW sebagai pembawa risalah Allah SWT, masyarakat arab berada pada “lubang” kejahilan yang

membimbangkan dari semua sudut. Namun setelah kelahiran Nabi SAW pada bulan Rabi `al-Awwal ianya mempunyai sinar baharu di dalam masyarakat arab pada waktu itu dan terus diwarisi oleh seluruh umat sejagat.

Di awal kehidupan Baginda SAW ketika zaman kanak-kanak, Nabi SAW membesar seperti mana kanak-kanak lain yang mempunyai teman-teman sepermainan. Namun begitu, Nabi SAW diberi keistimewaan ketika zaman kanak-kanaknya apabila dirinya didatangi oleh Malaikat untuk membersihkan hatinya dari gumpalan darah kotor yang diduduki syaitan, supaya perjalanan hidupnya sentiasa berada di dalam panyungan lindungan Allah SWT. Peristiwa bersejarah ini berlaku ketika Baginda SAW masih di dalam jagaan ibu susuannya Halimah al-Sa`diah dan juga ketika peristiwa Isra` dan al-Mi`raj, hal ini seperti mana yang telah disebut di dalam beberapa kitab sejarah Islam seperti di dalam *Dalail al-Nubuwwah* karangan al-Baihaqi. Ketika usianya mencapai 40 tahun, Nabi Muhammad SAW dipilih oleh Allah SWT untuk membawa misi dan visi agama Islam bagi membersihkan segala karut marut yang berleluasa di dalam komuniti masyarakat arab. Walaupun begitu, tugas berkenaan bukan satu tugas yang mudah kerana Baginda SAW terpaksa memecahkan benteng kesempitan pemikiran masyarakat arab. Ini bukan tugas mudah.

Bertitik tolak dari segala perkara demikian, Allah SWT telah melindungi keseluruhan kehidupan Baginda SAW. Malahan Allah SWT memberikan pelbagai kelebihan kepada diri Baginda SAW, bermula daripada mukjizat yang dikurniakan kepadanya, kepetahannya berbicara, nilai akhlak yang terpuji, fizikal yang sangat menarik, daya pemikiran yang sangat luar biasa, ketekunan yang tinggi beribadah dan berbagai lagi yang tidak terdapat pada mana-mana insan dunia sehingga hari kiamat. Maka tidak hairanlah terdapat dalam kalangan para sahabat Nabi SAW yang memeluk Islam hanya kerana terpegun dengan sikap teladan yang ditonjolkan pada diri Nabi SAW, seperti mana yang berlaku pada Wahsyi ibn Harb. Beliau tertarik dengan sikap maaf Baginda SAW, walaupun beliau membunuh bapa saudara Nabi SAW iaitu Hamzah ibn Abdul-Muttalib ketika peperangan Uhud.

Justeru, 23 tahun tugas menyampaikan risalah tauhid kepada seluruh masyarakat telah dilakukan dengan sangat cemerlang. Nabi SAW telah berjaya mengubah keseluruhan kehidupan masyarakat arab pada ketika itu, malahan telah membina ketamadunan yang unggul dalam peradaban Islam. Oleh yang demikian tidak hairanlah sekiranya Micheal H Hart seorang pemikir dari Barat di dalam bukunya *100 Most Influential People In The World*, meletakkan Nabi Muhammad SAW sebagai manusia yang paling berpengaruh di dunia.

Ketika Nabi SAW membacakan ayat ke-3 di dalam surah al-Ma`idah semasa berkhotbah di dalam peristiwa Haji Wada`:

“pada hari ini telah Aku sempurnakan untuk kamu semua agama kamu dan telah Aku sempurnakan keatas kamu nikmat-Ku dan telah Aku redha ke atas kamu Islam sebagai agama”

(Surah al-Ma`idah)

Ianya telah menjadi indikator yang jelas bahawa agama yang disampaikan oleh Nabi SAW telah lengkap dan tujuan Nabi SAW diutuskan juga telah selesai. Memahami perkara demikian,

Saidina Umar menangis kerana agama Islam telah lengkap maka ianya menjadi petanda jelas bahawa Allah SWT akan menjemput Nabi SAW tidak lama lagi, perkara inilah disebut di dalam beberapa kitab sejarah yang terdahulu atau terkini seperti yang disebut oleh al-Mubarakfuri di dalam bukunya yang mahsyur *al-Rahiq al-Makhtum*. Akhirnya pada bulan Rabi` al-Awal tahun kesebelas hijrah Allah SWT telah menjemput Nabi SAW ketika berada di rumah Saidatina `Aisyah, hal ini seperti mana yang telah diriwayatkan sendiri oleh `Aisyah dalam *Sahih Al-Bukhari* dan turut dinyatakan di dalam beberapa kitab sejarah seperti *al-Sirah al-Nabawiyah* karangan Abu Hasan al-Nadwi.

Selepas Kewafatan Nabi SAW

Tidak dapat dinafikan sejarah kehidupan Nabi SAW telah diketahui dengan begitu tuntas oleh umat Islam sejagat. Namun begitu, apa yang berlaku dalam kehidupan umat selepas kewafatan Nabi SAW perlu diambil berat oleh setiap umat. Apabila Nabi SAW memberi amaran jelas bahawa akan berlaku perpecahan besar dalam kalangan umat ini, adalah amat mustahak kepada diri setiap umat untuk sentiasa berwaspada kepada anasir yang mendatang. Hal ini seperti mana yang telah diriwayatkan oleh al-Irbab ibn Sariyah:

“aku mewasiatkan kepada kamu semua supaya bertaqwalah kepada Allah dan dengar serta taatlah, walaupun ia adalah daripada seorang hamba habsyah sekalipun, maka sekiranya kalian hidup selepas daripada aku nescaya akan dapati berlaku perpecahan yang banyak, maka kembalilah kalian semua pada sunnah aku dan sunnah para khulafa` al-rasyidin yang diberi petunjuk, berpenganglah kalian semua padanya dan gigitlah dengan gigi garaham, dan jauhilah kalian semua dengan perkara-perkara baru, maka sesungguhnya setiap perkara baru itu adalah bida`ah dan setiap bida`ah itu adalah sesat”

(Sunan Abi Daud; dinilai sahih)

Berdasarkan kepada pemahaman hadith ini, nyata Nabi SAW meminta kepada setiap umatnya supaya sentiasa berjaga-jaga dengan perpecahan yang akan berlaku dalam kalangan umatnya. Kita lihat sahaja beberapa fragmentasi yang wujud selepas kewafatan Nabi SAW, seperti Syiah, Muktazilah, Qadariah, Jabariyah, Khawarij dan berbagai lagi. Ianya menjadi bukti yang jelas terhadap kebenaran apa yang telah disabdakan oleh Nabi SAW semasa hayatnya. Jika membuka kembali helaian sejarah Islam, perpecahan umat Islam adalah bermula daripada ketidakpuasan hati dari sudut politik yang membarah sehingga membawa kepada isu aqidah. Sebagai contohnya para pembaca sejarah boleh menelusuri kembali bagaimana golongan Syiah bermula. Ianya bermula daripada ketidakpuasan hati mereka dengan perlantikan jawatan khalifah. Menurut pertimbangan golongan Syiah, jawatan tersebut lebih layak diberikan kepada Saidina Ali berbanding Saidina Abu Bakar. Maka bermula dari permulaan ini, ianya merebak kepada isu mengkafirkan beberapa sahabat Nabi SAW, kemudian merebak kepada penyalahafsiran ayat-ayat al-Quran, mencipta beberapa hadith palsu dan perkara lain yang perlu diambil berat.

Tidak dapat disangkal lagi, bahawa perpecahan yang menyebabkan munculnya beberapa fragmentasi sudah semestinya merugikan keutuhan dan kesepaduan umat Islam sejagat. Nabi SAW selama 23 tahun telah berjaya membentuk persaudaraan yang begitu utuh dalam kalangan masyarakat arab, persaudaraan Muhajirin dan Ansar memberi indikator yang jelas bahawa Islam begitu menitik beratkan persaudaraan. Maka untuk mengatasi perpecahan dalam kalangan umat Islam, Allah SWT awal-awal lagi telah memberi peringatan awal agar perpecahan dalam kalangan umat Islam tidak akan berlaku sekiranya ada yang mendamaikan dua pihak yang bertelingkahan atau bergaduh. Hal ini seperti mana yang terakamkan di dalam al-Quran:

“sesungguhnya orang-orang mukmin adalah bersaudara kerana itu damaikanlah antara kedua saudaramu dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu mendapat rahmat”

(Al-Hujurat: ayat 10)

Ayat ini menjadi pentanda jelas bahawa perdamaian itu adalah lebih diutamakan agar perpecahan dalam kalangan umat Islam tidak berlaku.

Penutup

Oleh yang demikian, sambutan Maulid Nabi SAW yang disambut saban tahun apabila tibanya bulan Rabi` al-Awal bukan sekadar sambutan rutin yang disambut dalam kalendar tahunan sahaja. Selain perjalanan kisah Nabi SAW yang sentiasa diulang saban tahun kepada masyarakat, perkara yang perlu diambil berat adalah menyatukan kembali perbezaan dalam kalangan umat pada masalah pokok agar perjalanan dan tujuannya akhir adalah sama. Perjuangan dan pengorbanan Nabi SAW selama 23 tahun dalam menyatukan umat Islam di bawah satu fikiran tauhid perlu dihayati dan ditekuni oleh setiap insan.

(Artikel ini disumbangkan oleh; Kapt Dr. Mohd Nor Adli bin Osman; Jurulatih ILMI ATM)